

NO. SOALAN : 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 9.06.2015 (SELASA)

DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan Langkawi mendapat bekalan makanan dan penggunaan utama dari tanah besar dengan tambahan kos pengangkutan kargo. Apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memberi subsidi kos pengangkutan ini seperti yang dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menyedari bahawa Langkawi perlu mendapat bekalan keperluan makanan dan seumpamanya dari tanah besar untuk menjalani kehidupan harian di sana. Sehubungan dengan itu, semestinya urusan bekalan ini melibatkan kos pengangkutan yang tinggi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Program Penyeragaman Harga KPDNKK telah dilaksanakan sejak tahun 2009 lagi. Pada masa ini, Kementerian telah melantik 11 *Transporter* dengan jumlah sebanyak 200 POS (*Point of Sales*) di Langkawi. Antara barang yang terlibat dengan Projek Penyeragaman Harga ini ialah Gas Petroleum Cecair (Gas Memasak), Barang Perlu (Minyak Masak, Tepung dan Gula) dan Petrol (RON95) serta Diesel. Beberapa *transporter* akan dilantik setiap tahun untuk pelaksanaan program ini bagi memastikan penduduk di Langkawi mendapat harga yang sama dengan penduduk di tanah besar.